

Kerjasama Malaysia-China berjaya tumpaskan Daesh, jenayah siber

BH - 13/1/2017 (M/S 8)

Undang-undang pencegahan tahan militan Daesh warga China

→ **Akta Kesalahan Keselamatan** (Pencegahan Khas) 2012.

→ **Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959.**

→ **Akta Pencegahan Keganasan (POTA) 2015.**

→ **Akta Pencegahan Khas** terhadap Keganasan Di Luar Negara (SMATA) 2015.

→ **Akta Majlis Keselamatan Negara (NSC) 2016.**

Beijing: Pertukaran maklumat dan risikan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan China, adalah faktor kejayaan pasukan keselamatan kedua-dua negara menumpaskan sindiket judi dan penipuan atas talian, selain menyekat rakyat China menyertai militan Daesh ke Iraq dan Syria, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, operasi yang dijalankan sejak beberapa tahun lalu itu berjaya menahan 744 rakyat China yang terbabit dalam sindiket judi dan penipuan atas talian bernilai RM20 bilion atau RM13 bilion.

Hantar pulang ke negara asal
Semua penjenayah terbabit sudah dihantar pulang untuk menghadapi undang-undang di negara asal.

Bagi militan Daesh pula, katanya, PDRM menahan 28 rakyat China yang dibiayai Pergerakan Islam Turkestan Timur ketika dalam

transit ke Istanbul serta Ankara untuk menyertai Daesh di Iraq dan Syria.

“Selain itu, PDRM menggunakan lima undang-undang pencegahan untuk menahan 260 rakyat China yang mempunyai kaitan dengan Daesh di Malaysia dan kini mereka masih berada dalam tahanan pihak keselamatan Malaysia,” katanya kepada media Malaysia di sini, semalam.

Ahmad Zahid dalam lawatan ke China enam hari bermula di ibu negara China pada 10 Januari lalu, dan beliau akan meneruskan lawatan ke Kunming, Wilayah Yunnan, hari ini.

Ahmad Zahid turut mengadakan pertemuan dengan Menteri Keselamatan Awam China, Gou Shengkun serta Setiausaha Politik dan Hal Ehwal Undang-undang Pusat Parti Komunis China, Meng Jianzhu. Beliau turut mengadakan perbincangan dengan Presiden Pertubuhan Polis Jenayah Anta-

rabangsa (INTERPOL), Meng Hongwei.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan China menyatakan penghargaan bantuan Malaysia itu ketika pertemuannya dengan Gou dan Jianzhu.

Katanya, China juga berterima kasih dengan kecekapan PDRM dalam membanteras sindiket yang berpangkalan di Malaysia, yang turut membabitkan rakyat negara itu serta beberapa negara lain.

Bertukar maklumat

Beliau berkata, berkata kedua-dua kejayaan itu hasil kerjasama erat yang berterusan antara pihak keselamatan Malaysia dan China, yang sering bertukar maklumat serta risikan mengenai pelbagai isu berkaitan dengan jenayah merentas sempadan.

“Penghargaan Kerajaan China terhadap operasi PDRM diterjemahkan dengan beberapa tindakan bersama jangka sederhana

dan panjang termasuk mengambil beberapa tindakan dalam aktiviti yang berhubung dengan soal keselamatan dua negara,” katanya.

Ahmad Zahid berkata, hasil pertemuan dengan Gou dan Jianzhu, beberapa persetujuan dicapai terutama memperluas tanggungjawab Pusat Serantau Digital Memintas Mesej Komunikasi (CMC) yang dikendalikan PDRM, bukan saja untuk kegunaan negara ASEAN, tetapi juga seluruh negara Asia.

Katanya, pusat berkenaan yang mengumpul maklumat antikeganasan akan mendapat bantuan kepakaran teknologi dan maklumat China.

Mengenai pertemuan dengan Hongwei, Timbalan Perdana berkata, beliau mencadangkan diadakan pertemuan serantau dan global menteri bertanggungjawab terhadap kepolisan, sekali gus membantu mengukuhkan pertubuhan berkenaan.